

24 OCT 1999

Govindaraj (Fokus Berita)

PARTI SERPIHAN USAHA SIA-SIA SAHAJA, KATA BEKAS PRESIDEN DMIP

Oleh: Mohd Nasir Yusof

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- "Ia hanya mensia-siakan masa 10 tahun yang sangat berharga," begitulah pandangan bekas presiden Parti Demokratik India Malaysia (DMIP), Datuk V. Govindaraj akan parti serpihan MIC yang ditubuhkannya dan kemudian dibubarkan.

Beliau bagaimanapun tidak kesal menubuhkan parti itu tetapi mengakui yang perjuangan parti itu tidak berhasil dan terpaksa berputih mata kerana DMIP gagal menganggotai Barisan Nasional (BN) seperti yang diharapkan oleh 80,000 anggotanya.

Govindaraj berkata, beliau menubuhkan DMIP pada 19 Okt 1985 kerana tidak mempunyai pilihan lain selepas disingkirkan daripada MIC kerana tuduhan yang sehingga hari ini beliau berkata beliau tidak bersalah.

"Penyertaan dalam BN merupakan matlamat tunggal DMIP kerana kami sentiasa percaya yang hanya BN boleh berjuang bagi masa depan rakyat," kata beliau kepada BERNAMA.

Govindaraj yang kini telah kembali ke pangkuan MIC sebagai salah seorang daripada anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) berkata, beliau telah mencuba sedaya yang boleh untuk membawa DMIP ke dalam BN tetapi tetap gagal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN serta Timbalan Perdana Menteri pada masa itu Tun Ghaffar Baba juga telah menjelaskan kepada beliau yang memasukkan DMIP dalam BN mesti menerima kata sepakat semua parti komponen BN dan MIC dikatakan tidak memberi laluan dalam mencapai kata sepakat itu.

Govindaraj dalam pengalamannya sebagai bekas naib presiden MIC sedar yang peraturan itu tidak boleh diubah hanya bagi DMIP sahaja sedangkan MIC yang telah lama berjuang bersama Umno dan MCA telahpun diterima sebagai parti mewakili masyarakat India dalam BN yang mempunyai 14-parti komponen.

Govindaraj yang dikenali sebagai "gentleman" dalam politik masyarakat India di negara ini berkata, bukan sahaja DMIP gagal menyertai BN, kita juga tidak mahu menjadi pembangkang.

Oleh kerana kedudukan kita tanpa arah itu, DMIP menjadi bahan ketawa kerana tiada siapa yang tahu akan tujuan kewujudannya. Ramai mempersoalkan mengapa parti itu ditubuhkan dan disertai oleh sebilangan besar pengundi masyarakat India, sedangkan tiada siapa yang tahu ia berpihak kepada siapa.

Beliau sendiri berterus terang kepada penyokongnya yang peluang DMIP menyertai BN adalah tipis sekali dan oleh itu apabila Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu mengeluarkan kenyataan pada 28 Julai, 1997 yang pintu MIC terbuka kepada semua anggota masyarakat India, Govindaraj dengan segera memberi respon positif kepada pelawaan itu.

"Saya mengeluarkan kenyataan pada 30 Julai, dan pada hari berikutnya Samy Vellu menelefon saya pada 1.15 tengah hari, menjemput saya dan semua anggota DMIP ke dalam MIC," katanya.

Menjelaskan langkah itu kepada anggota DMIP yang hampa dengan perjuangannya, bukan perkara yang sukar dan "oleh sebab itu apabila saya cadangkan pembubaran DMIP tiada seorang pun anggotanya membantah". DMIP dibubarkan dengan rasminya pada 2 Ogos, 1997

Langkah itu mengecewakan parti-parti pembangkang yang telah banyak berusaha menawan DMIP ke pihak mereka.

Seperti yang dijangkakan, katanya ramai dalam MIC tidak senang dalam menerima mereka, tetapi itu tidak penting kerana "hati kita sentiasa bersama MIC."

"Kini kita telah membentuk 46 cawangan baru MIC yang terdiri daripada 6,000 bekas anggota DMIP," katanya.

Beliau menyatakan harapan, yang 400 lagi cawangan akan dibuka kelak dengan sekurang-kurangnya 120 anggota DMIP di setiap cawangan.

Mengapa balik ke MIC? "Hanya satu alasan mudah baginya. MIC satu-satunya parti yang boleh menjaga kepentingan masyarakat India ... bukan DMIP, bukan IPF (Barisan Progresif India)," katanya.

Ditanya nasihat beliau kepada parti sampingan lain?

"Jangan buang masa dan tenaga anda. Sudah tiba masanya kita semua bersatu di bawah satu payung, di bawah kepimpinan (Presiden MIC) Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Mari kita perkukuhkan MIC dan pada masa yang sama ia juga akan perkukuhkan BN demi kebaikan bersama," kata beliau lagi.

Govindaraj berkata, masyarakat India telah banyak mencapai kemajuan dan perlu menghargainya. Mereka juga perlu berusaha gigih bersama rakyat Malaysia yang lain ke arah Wawasan 2020.

-- BERNAMA

MNY PR